

# BAHASA BOLA SEPAK

Oleh MUHAMAD RAFIQ ABDUL RAHMAN

Demam bola sepak kembali menghantui seluruh pelosok dunia! Ketika umat Islam menyambut hari raya Aidilfitri, dunia sukan, khususnya bola sepak, pula merayakan kejohanan yang cukup berprestij dalam kalendarnya, iaitu Piala Dunia 2018. Kejohanan yang berlangsung di Rusia ini menghimpunkan 32 buah pasukan terbaik dari seluruh benua di dunia ini yang mengharungi pusingan kelayakan selama hampir dua tahun. Sekali lagi nama Malaysia tercicir daripada senarai 32 buah pasukan terbaik dunia pada waktu ini dan peminat bola sepak negara ini terpaksa menyokong pasukan lain sekali lagi.

Siapakah yang bakal merangkul Piala Dunia pada kali ini? Adakah Jerman dapat mempertahankan kejuaraan yang dimenangkannya pada tahun 2014 di Brazil? Mungkinkah Sepanyol yang menjuarainya pada edisi 2010 di Afrika Selatan kembali bertakhta? Argentina dan Brazil dapat dianggap sebagai pasukan terluka yang mendahagakan kemenangan setelah beraksi kurang konsisten pada edisi terdahulu, tetapi dapatkah kedua-dua buah pasukan itu mengembalikan nostalgia kejayaan? Mungkinkah akan ada juara baharu pada tahun ini – pasukan yang belum pernah menjulang piala berprestij ini? Ketika makalah ini dibaca, juara kejohanan belum ditentukan. Yang pasti, semua pasukan akan memberikan persembahan yang terbaik.

Walaupun apa-apa pun, persoalan utama yang dibincangkan dalam makalah ini bukanlah perihal taktikal pasukan yang layak ke pusingan akhir ini atau pasukan yang akan menyerlah, baik dari sudut individu mahupun berpasukan secara keseluruhannya. Hal itu memerlukan satu atau dua makalah lain. Yang menjadi topik utama dalam makalah ini ialah sebutan dan perkataan yang digunakan oleh jurulatih, pemain, pengadil, dan penyokong, yang sering kali dilemparkan semasa sesuatu perlawanan itu berlangsung.

Sebelum latihan dimulakan, jurulatih akan meminta pemain untuk melakukan *stretching* (regangan) bagi memastikan otot pemain bersedia untuk melakukan pergerakan yang lebih tinggi. Setelah regangan dilakukan, mulalah jurulatih mengarahkan pemain untuk membuat latihan individu.

Secara ironinya, di Malaysia, walaupun hampir 90 peratus peminat dan pemain bola sepak dalam kalangan orang Melayu, arahan dan panggilan oleh keempat-empat “peneraju” bola sepak ini masih kekal menggunakan perkataan daripada bahasa Inggeris. Tidak dapat dinafikan juga bahawa hanya segelintir rakyat negara ini yang tidak memahami bahasa kebangsaan. Namun demikian, dalam dunia bola sepak di negara ini, bahasa penjahaj itu masih digunakan sebagai alat untuk berkomunikasi, khususnya semasa latihan dan perlawanan sebenar.

Mungkin keadaan ini berlaku oleh sebab jurulatih dan pemain sudah terbiasa atau terdedah kepada arahan dan aksi yang diberikan dalam bahasa Inggeris, *lingua franca* dunia ketika ini. Tentu sekali hal ini berlaku kerana negara ini dijajah oleh Inggeris. Walaupun telah merdeka lebih daripada setengah abad, kita masih “dijajah” oleh Inggeris dari segi fizikal dan pemikiran. Jadi tidak hairanlah

jika ada sesetengah perbuatan dan arahan yang lebih mudah untuk dilafazkan dalam bahasa penjahaj berbanding dengan bahasa kebangsaan.

Persoalan lain timbul pula: Apakah tindakan badan yang bertanggungjawab untuk memastikan agar bahasa bola sepak di negara ini menggunakan bahasa kebangsaan? Adakah negara ini tiada pakar yang dapat menterjemahkan segala perkataan itu daripada bahasa Inggeris kepada bahasa kebangsaan agar dapat digunakan dalam sukan ini? Jika padanan dalam bahasa kebangsaan sudah ada, mengapakah tidak digunakan? Mungkin jurulatih dan pemain sudah sebatu dengan penggunaan bahasa Inggeris kerana telah didedahkan kepada bahasa itu sejak melibatkan diri dalam sukan itu.

Dalam bola sepak, jurulatih merupakan perancang yang paling penting. Hal ini dikatakan demikian kerana segala perancangan taktikal dan arahnya akan membolehkan

sebuah pasukan itu memenangi perlawanan. Setiap jurulatih mempunyai formula dan strategi tersendiri untuk menyediakan pasukan yang mantap. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menolak hakikat bahawa pemain turut mempunyai peranan bagi menentukan kejayaan pasukan.

Sebelum latihan dimulakan, jurulatih akan meminta pemain untuk melakukan *stretching* (regangan) bagi memastikan otot pemain bersedia untuk melakukan pergerakan yang lebih tinggi. Setelah regangan dilakukan, mulalah jurulatih mengarahkan pemain untuk membuat latihan individu. Peminta akan diarahkan untuk menjalani latihan *control the ball* (mengawal bola), *dribble* (mengelecek), *heading* (menanduk), *passing* (hantaran), *short pass* (hantaran pendek) dan *long pass* (hantaran jauh).

Sesuai melakukan sesi pemanasan badan dengan lebih kepada latihan individu dan berpasangan, latihan terarah kepada sudut taktikal dalam



Penjaga gawang cuba untuk menahan bola yang ditendang oleh penyerang yang berjaya melepasi pemain pertahanan.

permainan. Sudut taktikal ini dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu posisi pertahanan (*defensive position*) dan posisi menyerang (*attacking position*). Dalam kedua-dua bentuk ini, arahan lebih menjurus kepada disiplin bertahan dan keadaan menyerang. Ungkapan, seperti posisi tiga penjuru (*triangle position*), sepakan bebas terancang (*set piece*), posisi v (*v shape*), kawalan pemain secara individu (*men to men marking*), kawalan mengikut zon (*zone marking*), tukar sudut permainan (*change side*), hantaran silang (*thru pass*), posisi hantaran dekat (*near post*) dan posisi hantaran jauh (*far post*), digunakan oleh jurulatih mengikut keperluan pasukan. Semua arahan yang menggunakan ungkapan sedemikian difahami oleh pemain.

Pada kebiasaannya, posisi pemain turut disebut dalam bahasa Inggeris walaupun kebanyakan perkataan untuk posisi ini telah pun diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Seperti biasa, posisi di bawah sekali bermula dengan penjaga gawang (*goal keeper*) diikuti oleh tiga atau empat

pemain pertahanan (*defender*) yang merangkum pertahanan kiri (*left back*), pertahanan kanan (*right back*), dan pertahanan tengah (*last man*). Pada suatu ketika, ungkapan *central defender* digunakan sebagai padanan pertahanan tengah.

Sesebuah pasukan, pada kebiasaannya, menggunakan tiga atau empat orang pemain tengah yang juga arkitek pasukari itu. Pemain tengah juga kerap kali diangkat sebagai ketua atau kapten pasukan (*captain*). Ketua pasukan biasanya dilantik daripada pemain senior atau pemain yang mendapatkan kepercayaan pengurus pasukan dan pemain lain. Ketua pasukan, biarpun di mana-mana posisinya, menggalas tanggungjawab yang cukup tinggi. Selain berusaha untuk memastikan kejayaan pasukannya, dia turut bertindak sebagai pemain yang memberikan motivasi dan inspirasi kepada rakan sepasukan, terutama jika pasukan itu sedang menuju kekalahan.

Pemain tengah biasanya dikenali sebagai pemain tengah bertahan (*defensive midfielder*), pemain tengah menyerang

(*attacking midfielder*), sayap kiri (*left midfielder*) dan sayap kanan (*right midfielder*). Perkataan *winger* turut digunakan untuk pemain sayap. Dengan berdasarkan perkataan yang digunakan, dapat difahami bahawa pemain tengah berada pada kedudukan di hadapan barisan pertahanan dan di belakang barisan serangan.

Di barisan hadapan, ada kumpulan pengekempur atau penyerang. Tugas utama mereka ialah menjaringkan gol dengan sepakan yang kerap kali digunakan. Jika jumlah jaringan yang diperolehi melebihi jumlah jaringan pasukan lawan, pasukan itu menang. Dalam bahasa Inggeris, perkataan *striker* digunakan. Jika pasukan itu ada penyerang yang tidak dapat menjaringkan gol dalam sesuatu perlawanan walaupun dalam perlawanan lain, dia menyerlah. Apabila hal itu berlaku, dia dikatakan *off form*.

Hal yang dinyatakan itu dilihat dari sudut jurulatih dan pemain. Bagaimana pula dengan perkataan dalam bahasa Inggeris

## Dalam setiap perlawanan, pengadil dibantu oleh dua orang pembantu pengadil (*assistant referee*). Dahulu pembantu pengadil disebut sebagai penjaga garisan (*linesman*).

yang digunakan secara terangan oleh pengadil perlawanan atau lebih dikenali sebagai *referee*? Setiap kali menyaksikan sesuatu perlawanan, pengadil akan menjadi penentu "kemeriahan" dan debaran yang tidak disangka-sangkakan. Sesetengah pihak berpendapat bahawa pengadil menjadi penentu keputusan setiap perlawanan. Lain pengadil lain cara pengadil walaupun peraturan perlawanan tetap sama. Ada pengadil yang kerap menipu wisel apabila berlaku *foul* (kekasaran atau kesalahan) yang kecil. Ada pula pengadil yang suka memberikan *advantage* (kelebihan) walaupun berlaku kesalahan.

Pada hakikatnya, tidak salah jika penulis ini menyatakan bahawa pengadil perlawanan hampir 100 peratus menggunakan bahasa Inggeris. Antara perkataan yang digunakan, selain *foul* dan *advantage*, termasuklah *game on* (permainan diteruskan), *free kick* (sepakan bebas), *corner kick* (sepakan penjuru atau sepakan sudut), *goal kick* (sepakan gol), *out ball* atau *out* (bola keluar), *throw in* (balingan ke dalam), *direct free kick* (sepakan bebas terus), *indirect free kick* (sepakan bebas tidak terus), *warning* (amaran), *last warning* (amaran terakhir), *yellow card* (kad kuning), *red card* (kad merah), *off side* (lebih garisan), *player*

(pemain), *penalty kick* (sepakan penalty), *hand ball* (bola terkena tangan), *ball to hand* (bola datang ke tangan) dan *substitute* (pemain gantian).

Dalam setiap perlawanan, pengadil dibantu oleh dua orang pembantu pengadil (*assistant referee*). Dahulu pembantu pengadil disebut sebagai penjaga garisan (*linesman*).

Mengikut pengalaman penulis ini, sebagai pemain bola sepak untuk beberapa peringkat selama hampir 20 tahun, pengadil memang menggunakan bahasa Inggeris ketika mengadili perlawanan. Hal ini mungkin berlaku kerana keyakinan dan keinginan untuk menggunakan bahasa kebangsaan masih kurang menebal. Barangkali bahasa Inggeris terus digunakan kerana sudah menjadi kelaziman. Mungkin mereka berasa kekok jika mereka menggunakan bahasa kebangsaan. Mungkin mereka berasa takut jika mereka lupa akan perkataan dalam bahasa kebangsaan itu. Mungkin juga padanan dalam bahasa kebangsaan dirasakan kurang tepat, maka digunakanlah bahasa Inggeris.

Bagi mereka yang terlibat dalam dunia bola sepak, yang lebih penting ialah perkataan itu difahami maksudnya. Namun demikian, hal ini dapat sebenarnya

diatasi kerana kita mempunyai badan khusus untuk menggubal istilah yang tiada dalam bahasa kebangsaan.

Pada hakikatnya, bukan mudah untuk menukar sesuatu yang telah sebatil dalam jiwa. Yang diyakini ialah bahawa sukan lain turut menggunakan bahasa Inggeris sebagai alat untuk berkomunikasi. Kita tidak menafikan bahawa bahasa Inggeris ialah bahasa komunikasi utama dunia sekarang.

Namun demikian, jika kita menonton siaran bola sepak tempatan, seperti Liga Malaysia, yang disiarkan oleh stesen televisyen, kita akan mendapati bahawa pengulas sukan dalam bahasa Inggeris itu sudah ada padanannya dalam bahasa kebangsaan. Yang diperlukan sekarang ialah kesungguhan untuk menggunakannya ketika berada di padang semasa latihan dan perlawanan. Pada awalnya, pasti timbul rasa kekok, tetapi lama-kelamaan hal ini akan menjadi kelaziman. Dengan hal yang demikian, barulah bahasa Melayu akan terus berkembang. **CB**

